

**PEMBANGUNAN MODUL ASB-SYAIR
BERASASKAN MULTIMEDIA UNTUK
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
ASPEK SENI BAHASA
TAHUN LIMA**

NUR AMELYANA BINTI NOOR KAMARUZAMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**PEMBANGUNAN MODUL ASB-SYAIR BERASASKAN MULTIMEDIA
UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
ASPEK SENI BAHASA TAHUN LIMA**

NUR AMELYANA BINTI NOOR KAMARUZAMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (v)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) 3 (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR AMELYANA BINTI NOOR KAMARUZAMAN, M20191000387, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL ASB-SYAIR BERASASKAN MULTIMEDIA UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA TAHUN LIMA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ARIFF BIN MOHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

PEMBANGUNAN MODUL ASB-SYAIR BERASASKAN MULTIMEDIA UNTUK

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA TAHUN LIMA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 MAC 2025

Tarikh

DR. ARIFF BIN MOHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODUL ASB-SYAIR BERASASKAN MULTIMEDIA UNTUK
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA TAHUN LIMA

No. Matrik / Matric's No.: M201910000387

Saya / I: NUR AMELYANA BINTI NOOR KAMARUZAMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Arif
DR. ARIFF BIN MOHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa dan Keusahastaraan Melayu
Unit Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

[Signature]
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 11 MAC 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, disertasi ini akhirnya berjaya saya siapkan. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Ariff bin Mohamad selaku penyelia utama bagi kajian ini. Segala ilmu, nasihat, keprihatinan, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan adalah amat saya hargai. Penghargaan istimewa ingin saya rakamkan khas buat ibu dan bapa tersayang, Puan Rohana Binti Shair Mohd dan Encik Noor Kamaruzaman Bin Samsudin atas segala pengorbanan, dorongan dan doa yang sentiasa mengiringi perjalanan saya selama mengharungi pelbagai cabaran untuk menyiapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga, rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses saya menyiapkan disertasi ini. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan bahan instruksional bagi pengajaran Aspek Seni Bahasa. Modul ASB-Syair dibangunkan menggunakan Model ADDIE. Modul ini dibangunkan untuk murid Tahun Lima sekolah rendah. Pada peringkat analisis keperluan, soal selidik telah dijalankan kepada 30 orang guru untuk mengenal pasti pandangan tentang keperluan untuk membangunkan bahan pengajaran instruksional. Nilai min dan sisihan piawai yang diperolehi daripada soal selidik ini ialah ($M=4.10$, $SP=0.48$). Pada peringkat reka bentuk dan pembangunan, proses pengesahan telah dijalankan melibatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan Modul ASB-Syair dijalankan menggunakan instrumen soal selidik skala Likert lima darjah yang diadaptasi dan diubah suai daripada Instrumen Penilaian Kualiti bagi Modul Pengajaran yang mengandungi tiga komponen utama iaitu reka bentuk kandungan, reka bentuk antara muka dan reka bentuk multimedia. Modul tersebut telah disahkan oleh tiga pakar yang melibatkan dua orang dalam bidang Kesusasteraan Melayu, seorang lagi dalam bidang teknologi pendidikan. Dapatan melalui Indeks Kesahan Kandungan menunjukkan Modul ASB-Syair mempunyai kesahan kandungan yang tinggi iaitu $CVI=1$. Kesimpulannya, modul ini mempunyai kebolegunaan yang tinggi. Implikasinya ialah Modul ASB-Syair yang dibangunkan diyakini sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia dengan mengintegrasikan Aspek Seni Bahasa yang berpotensi menyokong penguasaan kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

DEVELOPMENT OF ASB-SYAIR MODULE BASED ON MULTIMEDIA FOR TEACHING AND LEARNING LANGUAGE ARTS ASPECT IN YEAR FIVE

ABSTRACT

The aim of the study is to develop instructional materials for the teaching of Malay Language Arts. Using the ADDIE Model, the ASB-Syair Module was developed. It was developed for Year Five students at a primary school. At the need analysis stage, a questionnaire was distributed to identify teachers' views on the need to develop the instructional materials. The questionnaire was distributed to 30 teachers. The mean value and standard deviation obtained from the questionnaire was ($M=4.10$, $SP=0.48$). At the design and development stage, a validation process was carried out involving face validity and content validity. The validity of the ASB-Syair Module was measured using a five-degree Likert scale questionnaire instrument adapted and modified from the Quality Assessment Instrument for Teaching Modules that comprised three main components: content design, interface design, and multimedia design. The module was validated by three experts- two in the field of Malay Literature, another one was an expert in educational technology. Findings (Content Validity Index) showed that the ASB-Syair Module has high content validity- $CVI=1$. The implication is that the developed ASB-Syair Module is believed suitable to be used as multimedia-based teaching and learning material by integrating Language Arts Aspects has the potential to support the mastery of language skills in Malay Language Teaching and Learning.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi



KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 11



1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.7	Definisi Operasional	21
1.7.1	Pembangunan Modul	21
1.7.2	ASB-Syair	22
1.7.3	Multimedia	23
1.7.4	Pengajaran	24
1.7.5	Pembelajaran	24
1.8	Batasan Kajian	25
1.9	Kepentingan Kajian	28
1.10	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	32
2.2.1	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	33
2.2.2	Aspek Seni Bahasa	34

2.2.3	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	37
2.3	Model dan Teori Kajian	39
2.3.1	Model ADDIE	40
2.3.2	Teori Kognitif Pembelajaran melalui Multimedia	42
2.3.3	Teori Kecerdasan Pelbagai	46
2.4	Kajian-kajian Lepas	49
2.4.1	Pengajaran Aspek Seni Bahasa	49
2.4.2	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar berasaskan Multimedia	54

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Fasa-Fasa dalam Model ADDIE	61
3.3.1	Fasa Analisis Keperluan	61
3.3.2	Fasa Reka Bentuk	65
3.3.3	Fasa Pembangunan	72
3.3.4	Fasa Pelaksanaan	78

3.3.5	Fasa Penilaian	78
3.4	Rumusan	79
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	80
4.2	Keperluan Pembangunan Modul ASB-Syair	81
4.3	Reka Bentuk Modul ASB-Syair	86
4.4	Kesahan Modul ASB-Syair	97
4.5	Rumusan	106
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	107
5.2	Ringkasan Kajian	108
5.3	Perbincangan	110
5.4	Implikasi Kajian	120
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	122
5.6	Rumusan	123
RUJUKAN		124
LAMPIRAN		131

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Standard Kandungan dan Pembelajaran Aspek Seni Bahasa	27
1.2	Penggabungan Aspek Seni Bahasa dengan Kemahiran Bahasa	27
3.1	Penggabungan Standard Pembelajaran bagi Setiap Submodul	67
3.2	Lakaran Papan Cerita Modul ASB-Syair	68
3.3	Proses Reka Bentuk Bahan Multimedia	72
4.1	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Konstruk A	82
4.2	Dapatan Analisis Dokumen Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 5 Sekolah Kebangsaan	85
4.3	Proses Pembangunan Bahan Multimedia	87
4.4	Paparan Modul ASB-Syair dalam Pelantar Google Site	90
4.5	Latar Belakang Pakar Penilai Kesahan Modul	98
4.6	Peratus dan Pekali Persetujuan Pakar terhadap kesahan muka Modul ASB-Syair	100
4.7	Analisis Indeks Kesahan Kandungan Modul ASB-Syair	103

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1	Fasa-fasa dalam Model ADDIE	41
2.2	Teori Kognitif Pembelajaran melalui Multimedia	44
3.1	Reka Bentuk Kajian mengikut Model ADDIE	60

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CVI	Content Validity Index
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PISA	Programme for International Student Assessment
PKP	Pergerakan Kawalan Pergerakan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SDG	Sustainable Development Goal
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	Sekolah Kebangsaan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

UASA Ujian Akhir Sesi Akademik

UPSR Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Latar belakang kajian yang meliputi beberapa aspek penting dalam bidang pendidikan akan dibincangkan dalam bab ini. Isu yang diketengahkan dalam pernyataan masalah menjadi sandaran kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini akan dilaksanakan dengan memberi fokus kepada penambahbaikan amalan pengajaran guru untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid melalui pembangunan bahan. Objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian akan dijelaskan dengan lebih terperinci serta diakhiri dengan rumusan keseluruhan bab untuk memberi gambaran tentang hala tuju kajian yang dilaksanakan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan berkualiti merupakan matlamat keempat daripada 17 matlamat yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDG). Pendidikan berkualiti adalah asas yang penting untuk meningkatkan taraf kehidupan manusia dan pembangunan negara yang mampan. Matlamat ini menetapkan 10 sasaran untuk dicapai menjelang tahun 2030 antaranya seperti pendidikan yang saksama dan berkualiti tanpa mengira jantina, meningkatkan tahap literasi dan numerasi serta menaik taraf kemudahan pendidikan (United Nations, 2015). Sebagai salah satu negara anggota, Malaysia turut memikul tanggungjawab bagi memastikan setiap sasaran yang ditetapkan dalam matlamat SDG ini dapat direalisasikan dengan jayanya.



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan tonggak kepada usaha untuk membangunkan sistem pendidikan di Malaysia secara holistik dari peringkat pendidikan prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Anjakan pertama dalam PPPM yang menuntut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti setanding dengan kualiti pendidikan antarabangsa untuk semua murid adalah sejajar dengan matlamat yang dihasratkan dalam SDG. PPPM telah dibentuk meliputi 11 anjakan transformasi bertujuan untuk memberi impak kepada lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid melalui tiga gelombang dalam tempoh 13 tahun bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2025. Pelaksanaan PPPM yang kini berada dalam gelombang ketiga sedang menumpukan anjakan ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi.



Gelombang ketiga pelaksanaan PPPM kini memfokuskan beberapa sasaran untuk dicapai antaranya meningkatkan inovasi bagi meningkatkan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris secara berterusan, menyediakan lebih banyak pilihan untuk mempelajari bahasa tambahan serta melaksanakan program dan inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan. Sasaran yang difokuskan ini adalah selaras dengan anjakan kedua dan ketujuh dalam PPPM iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan serta memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

Gelombang pertama dan kedua pelaksanaan PPPM yang lalu telah membawa banyak transformasi yang memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara khususnya dalam pembangunan kurikulum untuk memenuhi keperluan sistem pendidikan semasa seiring dengan hala tuju pendidikan negara serta tuntutan global. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah diperkenalkan pada tahun 2011 turut disemak semula selepas enam tahun pelaksanaannya bagi tujuan penambahbaikan. Rentetan itu, KSSR Semakan 2017 mula diperkenalkan dan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan murid tahun satu pada tahun 2017. Transformasi kurikulum yang dilaksanakan ini adalah sejajar dengan salah satu objektif yang ditetapkan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 iaitu untuk memperkukuh pendidikan bahasa Melayu dengan meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu melalui kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran pada semua peringkat (KPM, 2017b).

Kurikulum merupakan nadi dalam sistem pendidikan negara. Kurikulum merupakan satu dokumen rasmi yang sentiasa menjadi isu atau agenda penting dalam usaha pembangunan dan pembentukan masa depan sesebuah negara dan bangsa di seluruh dunia. Kattington (2010) mendefinisikan kurikulum sebagai satu dokumen rasmi yang dijadikan panduan utama untuk membuat perancangan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah secara terancang atau sistematik. Di Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) merupakan pihak yang bertanggungjawab membangunkan Kurikulum Kebangsaan yang bersesuaian dengan keperluan semasa, hala tuju pendidikan serta aspirasi negara dan tuntutan di peringkat global untuk kegunaan semua institusi pendidikan yang bernaung dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan bagi peringkat prasekolah, rendah dan menengah.

Kurikulum Standard Bahasa Melayu digubal dengan merangkumi tiga standard utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Penggubalan kurikulum ini didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu bertujuan untuk menjadi panduan utama guru dalam merancang dan merangka proses PdP yang berkualiti secara terancang dan berkesan. DSKP Bahasa Melayu turut digubal dengan mengetengahkan pendekatan berbentuk modular, pembelajaran secara didik hibur dan pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan (KPM, 2017a). Justeru, pelaksanaan sesi PdP di sekolah mestilah dirancang dan dilaksanakan dengan menepati kehendak dan hala tuju kurikulum yang telah digubal.



Pendekatan modular yang diketengahkan dalam KSSR telah dikonsepsikan daripada pendekatan bersepadu yang difokuskan dalam Kurikulum Kebangsaan. Pendekatan modular dilaksanakan dengan menyepadukan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mata pelajaran yang sama atau merentas mata pelajaran, dalam tahun atau tingkatan yang sama atau berbeza (KPM, 2018). Pendekatan modular dilaksanakan dengan memecahkan kemahiran utama kepada beberapa unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai agar PdP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. DSKP Bahasa Melayu yang telah digubal menstrukturkan empat kemahiran bahasa utama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca serta kemahiran menulis disokong oleh dua aspek bahasa iaitu aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa adalah bertujuan untuk meningkatkan keterampilan murid dalam berbahasa (KPM, 2017a).



Aspek Seni Bahasa mula diperkenalkan melalui pelaksanaan KSSR pada tahun 2011. Aspek Seni Bahasa merujuk kepada kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu murid fahami dan kuasai. Penguasaan Aspek Seni Bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah melalui penghasilan dan persembahan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik (KPM, 2017a). Lantaran itu, aspek ini diterapkan secara modular dalam KSSR supaya keindahan bahasa Melayu dapat diapresiasi oleh murid melalui pelbagai teknik pengajaran dalam suasana yang menyeronokkan sekali gus meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa yang lain melalui aktiviti-aktiviti kesenian yang menarik seperti bercerita, bernyanyi, berlakon, berpuisi dan sebagainya.



Aspek Seni Bahasa yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu bagi sekolah rendah telah diorganisasikan dalam beberapa pernyataan Standard Kandungan yang dinyatakan secara spesifik dan Standard Pembelajaran yang boleh diukur. Setiap Standard Kandungan ini dipecahkan kepada beberapa Standard Pembelajaran supaya dapat dijadikan indikator atau penanda aras untuk mengukur kualiti pembelajaran dan pencapaian murid dalam PdP yang dilaksanakan. Standard Kandungan Aspek Seni Bahasa dalam DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah turut mengalami perubahan apabila KSSR Semakan 2017 dilaksanakan. Kini, Standard Kandungan Aspek Seni Bahasa bagi Tahap 1 meliputi tiga pernyataan seperti yang berikut: -

i) 4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.

ii) 4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.

iii) 4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembhkannya secara kreatif.

Ketiga-tiga pernyataan Standard Kandungan tersebut turut diguna pakai bagi Tahap 2. Namun, pertambahan satu lagi Standard Kandungan baharu telah diperkenalkan untuk Tahap 2 melalui KSSR Semakan 2017 yang dilaksanakan terhadap murid tahun empat bermula pada tahun 2020 seperti yang berikut: -

i) 4.4 Mengaplikasikan, menghayati dan menghasilkan unsur keindahan dalam seni tulisan jawi (Tahap 2 sahaja).

Gabungan kata “seni” dan “bahasa” mempunyai hubungan maksud yang hampir sama dengan kata “didik” dan “hibur”. Maksud istilah “seni” berkait rapat dengan konsep “hibur” manakala istilah “bahasa” pula berhubung rapat dengan makna “didik” (Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian, 2013). Perkaitan ini menepati pernyataan yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu bahawa pengajaran Aspek Seni Bahasa menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur iaitu merujuk kepada pelaksanaan PdP dalam persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan merentas kemahiran bahasa secara terancang (KPM, 2017a). Justeru, strategi PdP, perancangan aktiviti dan penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik adalah amat penting bagi memastikan PdP dalam suasana yang santai dan menyeronokkan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan, pengetahuan pedagogi juga mestilah sentiasa dikemaskini oleh guru bagi tujuan penambahbaikan amalan pengajaran mengikut keperluan semasa. Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad (2007) menyatakan bahawa strategi merupakan pemilihan kaedah dan teknik yang sesuai bagi memenuhi pendekatan yang ditentukan dalam melaksanakan PdP. Strategi pengajaran yang berkesan turut menitikberatkan aspek penyediaan bahan dari pelbagai sumber dan peruntukan masa yang sesuai bagi mencapai objektif pembelajaran. Demikian itu, guru mestilah mahir mengaplikasikan pelbagai strategi PdP yang bersesuaian dengan murid yang berbeza keperluannya berdasarkan latar belakang, bakat dan potensi bagi memastikan proses PdP berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Strategi PdP yang menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan telah digariskan dalam DSKP Bahasa Melayu sebagai usaha untuk mencapai hasrat dan matlamat KSSR serta memenuhi konsep kesepaduan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2017a). Pendekatan modular yang diketengahkan dalam KSSR dengan mengaplikasikan pendekatan bersepadu adalah selaras dengan usaha ini. Konsep kesepaduan yang meliputi strategi PdP berdasarkan konsep 5P yang meliputi penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian serta Elemen Merentas Kurikulum merupakan antara aspek penting yang digariskan dalam KSSR untuk diterapkan dalam PdP (Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod, 2018). Justeru, guru mestilah mahir untuk menentukan strategi terbaik untuk diaplikasikan dalam PdP agar berjaya menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai secara optimum sekali gus memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh.

Perkembangan TMK turut memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan. Pengaplikasian TMK dalam proses PdP merupakan satu tuntutan yang perlu diberi perhatian pada masa kini. Anjakan ketujuh dalam PPPM menggariskan TMK agar dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. KSSR turut menekankan kemahiran TMK dalam Elemen Merentas Kurikulum sebagai unsur nilai tambah yang perlu diserapkan dalam PdP seiring dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 (Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod, 2018). Lantaran itu, perkembangan TMK yang telah berjaya menghasilkan pelbagai peranti elektronik, perisian dan aplikasi yang canggih haruslah dimanfaatkan oleh guru untuk menghasilkan lebih banyak bahan pengajaran yang lebih sesuai dengan keperluan semasa.

Perkembangan TMK turut mendorong penghasilan pelbagai media yang menarik untuk dijadikan bahan pengajaran. Penggunaan BBM berasaskan multimedia yang mampu menggabungkan pelbagai elemen media seperti audio, video, grafik, animasi dan teks mampu meningkatkan kefahaman murid terhadap pengajaran melalui pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan (Siti Aminah Sallehin & Fazlinda Ab Halim, 2018). Penghasilan imej, audio dan video berkualiti kini mampu dirakam hanya menggunakan telefon pintar dan pelbagai peranti mudah alih. Penghasilan BBM berasaskan multimedia juga boleh dibangunkan menggunakan pelbagai pelantar yang mudah dicapai secara dalam talian mahupun luar talian. Justeru, perkembangan TMK haruslah dimanfaatkan untuk menghasilkan BBM berasaskan multimedia dengan lebih giat lagi untuk membantu guru mewujudkan suasana PdP yang lebih menarik dan berkesan.

Pelaksanaan KSSR turut mengetengahkan pentaksiran secara holistik. Pentaksiran secara formatif dan sumatif dilaksanakan supaya guru dapat mengukur perkembangan murid dan menentukan tahap penguasaan murid yang sebenar (KPM, 2017a). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan secara formatif dan berterusan bertujuan untuk menentukan tahap penguasaan murid yang sebenar terhadap kemahiran yang telah diajarkan. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, PBD dilaksanakan hanya untuk mentaksir kemahiran bahasa murid. Namun begitu, pengajaran Aspek Seni Bahasa dilaksanakan bertujuan untuk menyokong penguasaan murid terhadap kemahiran bahasa yang ingin ditaksir (KPM, 2018). Lantaran itu, aktiviti PdP Aspek Seni Bahasa yang ingin dirancang mestilah berpotensi untuk merangsang peningkatan tahap penguasaan murid terhadap

kemahiran bahasa yang ditaksir. Justeru, penggabungan antara Aspek Seni Bahasa dengan kemahiran bahasa dalam proses PdP adalah amat penting bagi meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa dengan lebih optimum.

Pada peringkat sekolah rendah, pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kini tidak lagi dinilai secara berpusat melalui Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) setelah dimansuhkan mulai tahun 2021. Kini, Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dilaksanakan hanya di peringkat sekolah sebagai sebahagian daripada PBD sumatif pada akhir sesi akademik (KPM, 2022). Oleh itu, keputusan UASA murid wajar dijadikan sebagai penanda aras untuk mengukur tahap penguasaan murid terhadap kemahiran bahasa yang diajarkan agar guru dapat merancang untuk melaksanakan intervensi yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran dan potensi murid.

Pada peringkat antarabangsa pula, tahap perkembangan pelajar Malaysia dalam kemahiran bahasa turut ditaksir melalui Programme for International Student Assessment (PISA) oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dengan sebulan sekali dalam setiap tiga tahun. Pentaksiran ini dijalankan terhadap pelajar yang berumur 15 tahun (Organisation for Economic Co-operation and Development [OECD], 2019). Walaupun PISA yang dilaksanakan tidak melibatkan murid sekolah rendah, usaha untuk memastikan peningkatan prestasi pelajar Malaysia dalam ujian literasi yang dilaksanakan secara global ini amat penting untuk diberi perhatian sewajarnya sejak dari peringkat sekolah rendah lagi.

Berdasarkan latar belakang kajian yang telah dinyatakan dengan jelas di atas, dapat disimpulkan bahawa pendidikan yang berkualiti turut dipengaruhi oleh strategi pengajaran dan BBM yang digunakan dalam proses PdP. Kedua-dua aspek ini adalah amat penting untuk diberi perhatian oleh semua guru bagi memastikan kualiti pendidikan di peringkat sekolah dapat dipertingkatkan sejajar dengan matlamat SDG dan anjakan PPPM yang telah dihasratkan. Berdasarkan beberapa sasaran yang ingin dicapai dalam matlamat SDG dan anjakan PPPM, satu alternatif untuk menambah baik amalan pengajaran guru dengan menghasilkan BBM berunsurkan TMK amat penting untuk dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran bahasa melalui pengajaran secara bersepadu. Justeru, kajian ini telah dilaksanakan dengan membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa secara bersepadu berasaskan multimedia bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Lima di sekolah rendah.

1.3 Pernyataan Masalah

Keputusan terkini Malaysia dalam ujian literasi bacaan PISA pada tahun 2022 mencatatkan skor sebanyak 388 sahaja jika dibandingkan dengan skor pada tahun 2018 iaitu 415. Skor yang dicatatkan ini juga agak rendah jika dibandingkan dengan purata skor keseluruhan OECD iaitu 475. Pelajar Malaysia yang mencapai sekurang-kurangnya Tahap 2 dalam penguasaan membaca pula hanyalah sebanyak 42% sahaja berbanding purata keseluruhan OECD iaitu 74% (OECD, 2019; OECD, 2023).

Keputusan penilaian ini menjadi satu indikator penting bagi mengukur prestasi pelajar di Malaysia terhadap penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan laporan di atas, usaha bagi mendorong peningkatan pencapaian murid dalam ujian literasi bacaan PISA amat penting untuk diberi perhatian yang sewajarnya dari peringkat awal di sekolah rendah lagi. Usaha ini adalah sejajar dengan salah satu sasaran yang digariskan untuk dicapai dalam matlamat keempat SDG iaitu untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi menjelang 2030 (United Nations, 2015).

Selain itu, usaha ini turut sejajar dengan sasaran yang telah dinyatakan dalam gelombang ketiga PPPM iaitu untuk menggalakkan inovasi bagi mendorong peningkatan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia serta melaksanakan program dan inovasi TMK untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan (KPM, 2013). Demikian itu, guru menggalas peranan yang amat penting bagi memastikan setiap sasaran ini berjaya dicapai secara optimum sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan negara setanding dengan kualiti pendidikan antarabangsa.

Penambahbaikan kualiti amalan pengajaran guru adalah amat penting untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam pembelajaran. Strategi pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid serta relevan mengikut arus perkembangan dunia pendidikan tanpa mengabaikan pengetahuan tentang kebahasaan dan kesusasteraan merupakan antara cabaran yang paling penting yang perlu dihadapi oleh semua guru dalam membuat perancangan dan melaksanakan pengajaran (Ariff Mohamad, 2012). Penggunaan bahan berunsurkan sastera dalam pengajaran bahasa dapat membantu guru



untuk merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran dengan lebih berkesan sekali gus mendorong pembelajaran yang aktif, pemikiran yang kreatif dan motivasi murid terhadap sesi PdP (Rozani Ahmad, 2017). Selaras dengan ini, pengajaran Aspek Seni Bahasa yang diterapkan dalam DSKP Bahasa Melayu perlu dilaksanakan secara lebih optimum bagi mendorong murid menghayati pembelajaran dan menguasai kemahiran bahasa dengan berkesan melalui penggunaan bahan yang berunsurkan sastera.

Walaupun pengajaran Aspek Seni Bahasa sudah mula diperkenalkan di sekolah rendah melalui pelaksanaan KSSR sejak tahun 2011 lagi, kajian terkini berkaitan pengajaran Aspek Seni Bahasa agak sukar untuk didapati kerana masih kurang dilaksanakan terutama dalam konteks pelaksanaan di sekolah rendah. Antara kajian awal berkaitan Aspek Seni Bahasa yang telah dijalankan oleh Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013) membuktikan bahawa pelaksanaan Aspek Seni Bahasa mampu mendorong kecemerlangan murid khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu namun majoriti guru menghadapi masalah sumber atau bahan pengajaran yang tidak mencukupi dan amat terhad.

Isu yang sama masih lagi wujud dan turut diperkatakan dalam kajian-kajian terkini yang menjelaskan bahawa guru-guru mata Pelajaran Bahasa Melayu masih kurang menggunakan BBM yang mampu menarik minat murid dalam sesi PdP Bahasa Melayu (Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman & Nor Asiah Ismail., 2021; Noorzailiza Zainal Abidin, Rozita@Radhiah Said, Azhar Md Sabil & Ahmad Fauzi Mohd Ayub, 2020; Layang Ugek & Jamaludin Badusah, 2018). Justeru, usaha untuk



mempelbagaikan sumber dan bahan pengajaran amatlah penting untuk dilaksanakan agar pengajaran Aspek Seni Bahasa dapat dilaksanakan dengan lebih giat untuk merangsang minat dan peningkatan tahap penguasaan murid dalam kemahiran bahasa yang diajarkan.

Kekurangan BBM merupakan antara masalah yang kerap berlaku di sekolah menyebabkan guru terdorong untuk mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional dengan pendekatan berpusatkan guru yang menyukarkan kefahaman serta memberi kesan terhadap minat dan motivasi murid (Hanifah Mahat et al., 2020; Norhiza Fadila, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohd, 2016; Zoch, Myers & Belcher, 2016). Hal ini sering berlaku disebabkan bebanan tugas, kekangan masa serta masalah guru bukan opsyen yang kurang mahir untuk mengajar kemahiran bahasa dengan ilmu pedagogi Bahasa Melayu yang terhad (Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah, 2020; Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod, 2016). Masalah ini mestilah diberi perhatian yang serius agar guru lebih terdorong untuk menggunakan pelbagai sumber dan bahan yang mampu menarik minat murid dalam melaksanakan sesi PdP.

Selain itu, beberapa dapatan kajian yang dilaksanakan di sekolah menengah mendapati bahawa wujudnya beberapa cabaran dalam pengajaran komponen sastera (KOMSAS) dan wajar ditangani pada peringkat lebih awal. Murid didapati kurang berminat untuk mempelajari KOMSAS khususnya puisi tradisional kerana dianggap bosan dan sukar difahami (Intan Marfarrina Omar et al., 2021; Noorzailiza Zainal Abidin et al., 2020). Kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Rasid Jamian (2023) mendapati pula bahawa minat terhadap pembelajaran KOMSAS mempunyai pola yang tidak tetap. Murid

cenderung untuk meminati komponen tertentu sahaja seperti cerpen namun murid masih menunjukkan keinginan agar bahan KOMSAS digunakan dalam PdP Bahasa Melayu kerana mereka dapat mempelajari pelbagai nilai dan pengajaran. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Ros Anita Kartini dan Abdul Halim Ali (2021) yang membuktikan bahawa penggunaan bahan sastera dapat menjadikan sesi pembelajaran di sekolah lebih menyeronokkan dan mampu mengukuhkan kefahaman murid terhadap pengajaran guru. Justeru, guru mestilah peka terhadap keperluan memilih strategi dan bahan pengajaran yang sesuai serta mahir merancang aktiviti yang menarik untuk mendorong minat murid.

Muhamad Rafi Abu Bakar (2020) mendapati bahawa guru berjaya menarik minat murid untuk mengenali sastera tradisional Melayu melalui aplikasi TMK yang dibangunkan menggunakan gabungan bahan multimedia seperti teks, audio, ilustrasi, grafik dan animasi serta dipersembahkan kepada murid-murid dalam bentuk digital. Menurut Norleyza Jailani et.al. (2020), BBM berasaskan multimedia yang menggabungkan elemen sastera berupaya mencipta suasana PdP Bahasa Melayu yang menyeronokkan serta meningkatkan kefahaman, perhatian dan minat murid terhadap PdP. Berdasarkan kedua-dua dapatan kajian ini, penggunaan bahan multimedia dengan penggabungan pengajaran Aspek Seni Bahasa sesuai diaplikasikan dalam PdP bagi menangani masalah minat murid sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Pengaplikasian TMK dalam bidang pendidikan menunjukkan impak yang semakin positif seiring dengan perkembangan dunia teknologi. Penggunaan BBM yang dibina dengan penerapan elemen TMK, kemahiran berfikir dan kemahiran berbahasa

yang tinggi dapat membantu untuk menghidupkan lagi penyampaian guru seterusnya membantu murid menghayati kandungan pelajaran dalam sesi PdP yang dilaksanakan. (Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Rozita@Radhiah Said, 2020). Namun, guru di sekolah turut berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakannya akibat kekurangan pengetahuan, kemahiran, sumber dan kemudahan untuk mengaplikasikan TMK dalam PdP (Rosliza Awang, 2020; Noor Khairunnisa Hasmuddin & Siti Mistima Maat, 2020; Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019).

Selain itu, guru juga kurang yakin apabila perlu melalui proses rakaman video. Penghasilan bahan yang kurang menepati tahap kualiti yang diperlukan seperti kualiti imej atau video yang beresolusi rendah, kualiti suara atau audio yang kurang jelas dan rakaman dalam persekitaran yang bising juga merupakan antara aspek yang menjadi cabaran untuk menghasilkan BBM berunsurkan TMK (Malini Kamlin & Tan, C.K., 2020). Justeru, satu alternatif untuk membantu memudahkan capaian guru kepada sumber dan bahan pengajaran berunsurkan TMK perlu ditingkatkan agar dapat memberi manfaat serta mendorong guru untuk menerapkan elemen TMK dengan lebih berkesan di dalam kelas (Noryana Mohd Nor et al., 2019; Siti Aminah Sallehin & Fazlinda Ab Halim, 2018).

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, satu tindakan penambahbaikan amalan pengajaran untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru melalui pelaksanaan inovasi TMK bagi memastikan peningkatan penguasaan kemahiran bahasa dalam Bahasa Melayu perlu dilaksanakan. Lantaran itu, kajian ini telah dijalankan

bertujuan untuk membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk BBM berasaskan multimedia yang dinamakan sebagai “Modul ASB-Syair” bagi tujuan meningkatkan kepelbagaian sumber dan bahan. Modul ini dibangunkan untuk digunakan oleh guru dan murid dalam pelaksanaan sesi PdP Aspek Seni Bahasa yang dijalankan secara bersepadu bagi menyokong kemahiran bahasa yang ditaksir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun lima di sekolah rendah

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti pandangan guru terhadap keperluan membangunkan Modul ASB-Syair berasaskan multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima.
- ii. Membangunkan Modul ASB-Syair berasaskan multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima berdasarkan senarai semak lakaran papan cerita.
- iii. Mengenal pasti tahap kesahan muka dan kandungan Modul ASB-Syair berasaskan multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima berdasarkan penilaian pakar.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah pandangan guru terhadap keperluan untuk membangunkan Modul ASB-Syair berasaskan multimedia bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima?
- ii. Adakah Modul-ASB Syair berasaskan multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima dibangunkan menepati elemen yang ditetapkan dalam senarai semak lakaran papan cerita?
- iii. Sejauh manakah tahap kesahan muka dan kandungan Modul ASB-Syair berasaskan multimedia yang dibangunkan untuk pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa tahun lima berdasarkan penilaian pakar?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian


Kajian ini telah dilaksanakan untuk membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk BBM berasaskan multimedia yang dinamakan sebagai “Modul ASB-Syair” bagi tujuan meningkatkan kepelbagaian sumber dan bahan. Modul ini dibangunkan untuk digunakan oleh guru dan murid dalam pelaksanaan sesi PdP Aspek Seni Bahasa yang dijalankan secara bersepadu bagi menyokong kemahiran bahasa yang ditaksir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun lima di sekolah rendah.

Kajian pembangunan modul ini dilaksanakan dengan berpandukan kepada sebuah model reka bentuk instruksional iaitu Model ADDIE yang telah diperkenalkan oleh Allison Rosset pada tahun 1987. Model ADDIE yang meliputi lima fasa iaitu (1) fasa analisis keperluan (*Analysis*), (2) fasa reka bentuk (*Design*), (3) fasa pembangunan (*Development*), (4) fasa pelaksanaan (*Implementation*) dan (5) fasa penilaian (*Evaluation*) menjadi asas utama kepada proses pembangunan Modul ASB-Syair ini.

Modul ini telah direka bentuk dengan menggabungkan dua teori pembelajaran iaitu Teori Kognitif Pembelajaran melalui Multimedia yang diperkenalkan oleh Richard E. Mayer pada tahun 2001 dan Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner pada tahun 1983. Teori Kognitif Pembelajaran melalui Multimedia telah menjadi sandaran dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul ini agar BBM berasaskan multimedia dapat dibangunkan mengikut komponen yang bersesuaian dan proses yang betul bagi memenuhi keperluan PdP. Teori Kecerdasan Pelbagai yang melibatkan beberapa kecerdasan seperti verbal linguistik, muzik, visual ruang, dan interpersonal turut diterapkan dalam modul ini terutama dalam proses merancang aktiviti PdP kerana teori ini turut ditekankan dalam strategi PdP berasaskan konsep 5P dalam DSKP Bahasa Melayu. Penerangan berkaitan teori-teori ini akan dijelaskan dengan lebih mendalam dalam tinjauan literatur. Gabungan Model ADDIE dan kedua-dua teori yang telah digunakan dalam pelaksanaan kajian pembangunan ini telah diilustrasikan dengan lebih ringkas dan jelas dalam Rajah 1.1 seperti yang berikut.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Definisi Operasional

Berikut merupakan beberapa pengertian istilah yang ingin dijelaskan melalui definisi operasional bagi meningkatkan kefahaman terhadap istilah yang sering digunakan dalam konteks kajian ini.

1.7.1 Pembangunan Modul

Menurut Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (2018), pembangunan modul merupakan proses membangunkan produk berdasarkan ketetapan yang ditetapkan dalam fasa kedua iaitu fasa reka bentuk untuk memenuhi keperluan-keperluan yang sudah dianalisis dalam fasa pertama. Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) pula, pembangunan modul ialah penghasilan pelbagai bahan, alat, sumber dan panduan dalam bentuk penerbitan bertujuan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan secara terancang. Dalam konteks kajian ini, proses pembangunan modul telah dilaksanakan dengan bersandar kepada model ADDIE yang merangkumi lima fasa seperti yang telah dijelaskan. Modul ASB-Syair berasaskan multimedia telah dibangunkan dalam kajian ini mengikut keperluan yang telah dianalisis untuk digunakan oleh guru dan murid sewaktu sesi PdP Bahasa Melayu tahun lima khususnya di sekolah kebangsaan. Pembangunan modul ini turut melibatkan proses kesahan dari aspek kesahan muka dan kesahan kandungan. Proses kesahan ini meliputi tiga aspek utama iaitu reka bentuk kandungan modul, reka bentuk antaramuka modul dan reka bentuk bahan multimedia.

1.7.2 ASB-Syair

ASB-Syair merupakan gabungan akronim dan perkataan. ASB merupakan akronim kepada Aspek Seni Bahasa manakala Syair merupakan bahan sastera yang digunakan dalam modul ini untuk memenuhi keperluan Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa yang dipilih untuk difokuskan dalam kajian ini iaitu;

4.2.1 Melafazkan dan melagukan syair dengan irama yang sesuai serta menyatakan idea keseluruhan syair.

Aspek Seni Bahasa merupakan aspek bahasa yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu secara modular yang perlu dizahirkan melalui PdP yang santai dan menyeronokkan secara didik hibur (KPM, 2017a). Menurut Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2013), pembelajaran Aspek Seni Bahasa merujuk kepada kemampuan murid untuk memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui sesi pembelajaran yang menyeronokkan dengan mengaplikasikan pengajaran secara didik hibur.

Dalam konteks kajian ini, PdP Aspek Seni Bahasa dihasratkan untuk dilaksanakan secara bersepadu bagi menyokong kemahiran bahasa dengan mengaplikasikan pendekatan didik hibur yang santai dan menyeronokkan melalui penggunaan bahan sastera yang dibangunkan dengan berasaskan multimedia.

1.7.3 Multimedia

Multimedia instruksional ditakrifkan sebagai persembahan bahan menggunakan gabungan perkataan dan gambar, dengan tujuan untuk meningkatkan mutu pembelajaran. Bahan berbentuk perkataan disampaikan dalam bentuk lisan menggunakan teks bercetak secara verbal. Bahan yang dipersembahkan dalam bentuk gambar atau visual pula melibatkan penggunaan grafik statik seperti ilustrasi, grafik, foto, atau peta, serta grafik dinamik seperti animasi atau video (Clark & Mayer, 2016; Mayer, 2001). Multimedia berperanan sebagai alat kognitif yang menggabungkan beberapa elemen menggunakan grafik dinamik untuk menggambarkan isi pelajaran dengan lebih berkesan (Ahmad Zamzuri Mohamad Ali, 2018).

Dalam kajian ini, persembahan multimedia yang menggabungkan elemen verbal dan visual secara dinamik meliputi teks, audio dan video telah direka untuk dimasukkan dalam Modul ASB-Syair yang dibangunkan. Persembahan multimedia yang direka telah diorganisasi secara sistematik dalam Modul ASB-Syair dengan menggunakan aplikasi Google Site sebagai pelantar utama supaya dapat diakses oleh guru dan murid secara atas talian dengan lebih mudah dan fleksibel.

1.7.4 Pengajaran

Pengajaran adalah proses penyampaian ilmu pengetahuan yang dilaksanakan oleh guru. Selaras dengan usaha untuk mencapai hasrat dan matlamat KSSR serta memenuhi konsep kesepaduan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), sesi pengajaran mestilah dirancang dengan strategi PdP yang mengaplikasikan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan yang bersesuaian (KPM, 2017a). Dalam kajian ini strategi PdP yang diaplikasikan menjurus kepada konsep 5P yang digariskan dalam DSKP iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Penggabungjalinan akan dilaksanakan dengan menggabungjalinkan Aspek Seni Bahasa dengan satu kemahiran bahasa yang berbeza bagi setiap submodul yang dibangunkan. Penyerapan Teori Kecerdasan Pelbagai meliputi empat kecerdasan iaitu verbal linguistik, muzik, visual ruang dan interpersonal serta elemen TMK sebagai Elemen Merentas Kurikulum turut diserapkan dalam modul dan cadangan aktiviti PdP yang dilaksanakan dengan pendekatan didik hibur.

1.7.5 Pembelajaran

Pembelajaran adalah proses perolehan ilmu pengetahuan yang dialami oleh murid. Pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan adalah amat penting bagi mendorong minat dan motivasi murid untuk meneroka ilmu dengan lebih berkesan. Proses pembelajaran tidak seharusnya berlaku secara berpusatkan guru semata-mata.



Pembelajaran berpusatkan murid dengan penggunaan sumber dan bahan yang pelbagai adalah amat digalakkan dalam pelaksanaan PdP Bahasa Melayu. Pendekatan ini berpotensi untuk mendorong murid untuk menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri sekali gus membina keyakinan berbahasa murid melalui interaksi sewaktu sesi PdP dijalankan (KPM, 2017a).

Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran boleh diaplikasikan dalam PdP mengikut keperluan dan potensi murid bersesuaian dengan kemudahan yang dapat disediakan dalam bilik darjah. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan bahan dengan rancangan aktiviti yang berpotensi untuk mencipta suasana PdP dan memberikan pengalaman pembelajaran yang positif kepada murid.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan dengan membangunkan modul yang diperlukan berdasarkan dapatan fasa analisis keperluan dan dinilai melalui proses kesahan modul dalam fasa pembangunan. Modul ASB-Syair seterusnya direka bentuk dan dibangunkan mengikut keperluan yang telah dikenal pasti. Modul yang telah siap dibangunkan seterusnya menjalani proses kesahan modul dari segi kesahan muka dan kesahan kandungan oleh tiga orang pakar sahaja.



Kajian pembangunan Modul ASB-Syair ini dibataskan kepada tiga fasa yang pertama dalam Model ADDIE. Fasa pelaksanaan dan fasa penilaian yang merupakan fasa keempat dan kelima dalam tetapan fasa Model ADDIE tidak dilaksanakan oleh pengkaji. Dua fasa ini dicadangkan untuk dilaksanakan dalam kajian lanjutan supaya dapat dilaksanakan dengan lebih mendalam. Kajian ini turut dibataskan untuk dilaksanakan berfokus kepada mata pelajaran Bahasa Melayu tahun lima khususnya di sekolah kebangsaan sahaja.

Pembangunan modul ini dilaksanakan dengan menggabungkan dua teori pembelajaran sahaja iaitu Teori Kognitif Pembelajaran melalui Multimedia dan Teori Kecerdasan Pelbagai. Bahan sastra yang akan digunakan dalam modul ini juga dihadkan kepada satu jenis bahan sahaja mengikut dapatan dalam fasa analisis keperluan yang telah dijalankan. Modul ASB-Syair yang dibangunkan juga hanya memfokuskan satu Standard Kandungan (SK) dan satu Standard Pembelajaran (SP) sahaja. Namun, cadangan aktiviti PdP dengan mengaplikasikan penggabungjalinan kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis telah dicadangkan dalam Cadangan Rancangan Pengajaran Harian setiap submodul mengikut kesesuaian berpandukan SK dan SP dalam Aspek Seni Bahasa seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.1 yang berikut.

Jadual 1.1*Standard Kandungan dan Pembelajaran Aspek Seni Bahasa***Standard Kandungan**

4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.

Standard Pembelajaran

4.2.1 Melafazkan dan melagukan syair dengan irama yang sesuai serta menyatakan idea keseluruhan syair.

Berdasarkan dapatan daripada fasa analisis keperluan yang akan dilaksanakan, SP Aspek Seni Bahasa yang dipilih akan digabungkan dengan SP kemahiran bahasa sebagai cadangan aktiviti PdP mengikut kesesuaian seperti berikut.

Jadual 1.2*Penggabungan Aspek Seni Bahasa dengan Kemahiran Bahasa*

Submodul A	Submodul B	Submodul C
Aspek Seni Bahasa	Aspek Seni Bahasa	Aspek Seni Bahasa
Penggabungan		
Kemahiran Mendengar dan Bertutur	Kemahiran Menulis	Kemahiran Membaca

Cadangan Rancangan Pengajaran Harian untuk menggabungkan Aspek Seni Bahasa bagi menyokong kemahiran bahasa yang diajarkan dan ditaksir dalam PdP Bahasa Melayu bagi ketiga-tiga submodul turut dilampirkan dalam halaman Lampiran Modul ASB-Syair sebagai panduan dan boleh diubah suai mengikut kreativiti guru. Modul ASB-Syair ini juga dibangunkan dengan menggunakan aplikasi Google Site sebagai pelantar utama. Justeru, mestilah diakses secara atas talian menggunakan capaian internet.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian pembangunan modul yang telah dilaksanakan ini amat signifikan dalam menyokong usaha bagi meningkatkan kepelbagaian sumber dan bahan untuk melaksanakan sesi PdP yang berkesan dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Modul ASB-Syair yang dibangunkan dalam kajian ini telah melalui proses kesahan dari segi kesahan muka dan kesahan kandungan meliputi tiga aspek yang penting iaitu reka bentuk kandungan modul, reka bentuk antaramuka modul dan reka bentuk bahan multimedia. Proses yang dilaksanakan ini amat signifikan untuk memberi maklumat tentang komponen-komponen penting yang perlu diberi lebih perhatian dalam proses untuk membangunkan sesuatu bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia yang mampu memenuhi keperluan PdP yang ingin dilaksanakan.



Maklumat yang diperoleh melalui dapatan kajian ini amat penting untuk digunakan bagi tujuan menambah baik amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat sekolah. Dapatan kajian ini turut boleh dijadikan panduan kepada guru untuk merancang aktiviti PdP Bahasa Melayu dengan lebih menarik dan berkesan. Panitia Bahasa Melayu dan guru mata Pelajaran yang lain memainkan peranan yang amat penting untuk meningkatkan mutu pengajaran seiring dengan arus perkembangan dunia pendidikan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru untuk merancang PdP yang mampu memberi peluang kepada murid merasai pengalaman pembelajaran Bahasa Melayu secara santai dan menyeronokkan melalui pendekatan didik hibur dan penyerapan elemen TMK. Modul ini juga diharapkan dapat memudahkan guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan PdP yang mampu mempertingkatkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu.



Tambahan lagi, konsep Modul ASB-Syair yang dibangunkan dalam kajian ini turut diharapkan agar dapat diperkenalkan kepada pihak berautoriti di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Teknologi Pendidikan dan semua pihak yang terlibat dengan penggubalan kurikulum serta pembangunan bahan agar modul ini dapat dimurnikan dan dicadangkan untuk digunakan dengan lebih meluas khususnya dalam PdP Bahasa Melayu. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan idea dan memberikan maklumat yang dikehendaki oleh para penyelidik yang akan melaksanakan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan pada masa akan datang sekali gus menyokong usaha kementerian dalam meningkatkan inovasi pendidikan Bahasa Melayu.



1.10 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang kajian yang meliputi beberapa aspek penting dalam bidang pendidikan. Isu-isu yang diketengahkan dalam pernyataan masalah menjadi sandaran kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini akan dilaksanakan dengan memberi fokus kepada penambahbaikan amalan pengajaran guru untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid. Bab seterusnya akan membincangkan tentang tinjauan literatur berkaitan bidang kajian dengan lebih mendalam.